

Perkembangan terbaru di Istana Seri Menanti—

Tiga Datuk digantung jawatan?

17/3/88

SEREMBAN, Rabu — Hampir semua ketua adat di Luak Sungai Ujong kini dianggap sudah tidak boleh berfungsi lagi di segi aturan adat berikutan perkembangan terbaru yang berlaku di Istana Besar Seri Menanti Selasa lalu.

Ini bermakna mereka sudah hilang kelayakan untuk mencampuri urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 kerana telah melakukan beberapa kesalahan adat.

"Dengan kata lain, hanya Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan sahaja yang boleh menyelesaikan krisis perlantikan Datuk Kelana Putra ke-10 yang kini sudah berlanjutan lebih empat tahun," kata sumber-sumber tertinggi adat kepada *Berita Harian* di sini hari ini.

Difahamkan sekurang-kurangnya tiga daripada Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong kini mula dipertikaikan kedudukannya mereka di segi aturan adat dan pesaka Luak itu.

Tiga Datuk Lembaga berkenaan ialah Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin selaku Tua Lembaga Waris di Darat dan Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong, Tua Lembaga Waris di Air, Datuk Seri Maharaja Di-

Oleh BUSTAMAM AHMAD

raja Azman Jamlus dan Datuk Penghulu Dagang Paroi Mohd Nor Abdullah.

"Ketiga-tiga Datuk Lembaga ini dikatakan sudah digantung daripada jawatan masing-masing kerana sebab-sebab tertentu. Datuk Andika Mendelika Fadzil dan Datuk Penghulu Dagang Paroi Mohd Nor digantung jawatan masing-masing oleh anak-anak Waris mereka sendiri.

"Ini dikatakan berpunca daripada istiadat 'perlantikan' seorang anak Waris Perut Ulu, Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10 yang ditaja bersama oleh Datuk Andika Mendelika Fadzil dan Datuk Penghulu Dagang Paroi Mohd Nor pada 1986. Ia kemudian tidak direstui oleh dewan.

"Manakala Datuk Seri Maharaja Diraja Azman pula digantung daripada jawatannya oleh Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong Shahari Haji Hassan kerana mencampuri secara langsung urusan pemilihan Undang baru," kata sumber-sumber itu.

Malah, jelas sumber-sumber itu kedudukan Datuk Shahbandar Shahari sendiri pernah dipertikaikan oleh

sekumpulan anak-anak Waris di Air, yang 'memecatnya' kira-kira dua tahun lalu.

Berikutan perkembangan terbaru Selasa lalu, kedudukan Tua Waris Perut Hillir, Datuk Maharajalela Zamhari Haji Abdul Rahman kini dikatakan 'sudah mula terjejas' kerana pembabitannya dalam menyiapkan satu memorandum, yang dianggap melanggar arahan dewan.

"Sebelum ini, kedudukan Tua Waris Perut Ulu, Datuk Johan Razali Abdul Khalid juga masih menjadi tanda tanya di segi aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong. Ini bermakna kedudukan kedua-dua Tua Waris Perut Ulu dan Hillir kini sudah dipertikaikan oleh anak-anak Waris mereka sendiri," jelas sumber-sumber itu.

Datuk Maharajalela Zamhari mengetuai sekumpulan lima ketua adat untuk menyembahkan memorandum berkenaan kepada ahli-ahli dewan yang mengadakan mesyuarat khasnya di Seri Menanti Selasa lalu.

Salah seorang daripada mereka, Datuk Abu Zarim Haji Mulop sudah dipecat daripada jawatan Datuk Muda Linggi oleh anak-anak Warisnya sendiri Isnin lalu.